

# AXCEL CO-AMOXICLAV-625 TABLET

Amoxycillin/Clavulanic Acid (500mg/125mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet.
2. Bagaimana Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet

Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet digunakan untuk merawat:

- Jangkitan saluran pernafasan atas dan bawah: *sinusitis, otitis media, bronchitis*.
- Jangkitan pada kulit dan tisu lembut: bisul, abses, selulitis, jangkitan luka.
- Jangkitan saluran genitourinary: *cystitis, urethritis, pyelonephritis*.
- Jangkitan tulang dan sendi: *osteomyelitis*.

## Bagaimana Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet berfungsi

Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet adalah antibiotik dan berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan. Ia mengandungi dua bahan aktif. Salah satu daripadanya ialah *amoxycillin* penisilin dan bahan yang lain ialah *clavulanic acid*.

## Sebelum mengambil Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda pernah mengalami reaksi alergi pada *penicillin, beta-lactamase inhibitors* atau *beta-lactam antibiotics*. Beberapa simptom tindak balas alahan termasuk ruam kulit,

gatal-gatal, kesukaran bernafas dan bengkak pada muka atau lidah.

- Jika anda mempunyai sejarah jaundis/ masalah hati yang disebabkan oleh *amoxycillin* dan *clavulanate* atau *penicillin*.
- Sila dapatkan nasihat doktor anda sebelum mula mengambil Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau bercadang untuk menyusukan anak. Doktor anda akan menentukan sama ada anda sesuai untuk mengambil Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet berdasarkan risiko dan manfaat yang bakal anda perolehi.

### - Sebelum menggunakan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet

Sebelum anda mengambil Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda menghidapi masalah hati/ penyakit kuning kolestatik.
- Jika anda mengalami masalah buah pinggang yang sederhana atau teruk.
- Jika anda hipersensitif pada penisilin.
- Jika anda menghidapi masalah perubatan seperti penyakit perut dan penyakit usus seperti *pseudomembranous colitis*.
- Jika anda mempunyai demam kelenjar (*mononucleosis*).
- Jika anda tidak membuang air kecil dengan kerap (*crystalluria*).

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- *Probenecid*, sebagai terapi tambahan dalam antibiotik atau untuk gout.
- *Allupurinol* untuk gout.
- Oral contraceptives.
- Penggunaan *amoxycillin/clavulanate* serentak.
- Ejen pencegahan penggumpulan darah, ejen penipisan darah.

## Cara menggunakan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak > 12 tahun: Jangkitan ringan hingga sederhana: 1 tablet, 2 kali sehari.

Doktor anda mungkin menetapkan dos yang lain jika anda mempunyai kerosakan buah pinggang yang teruk.

Rawatan tidak boleh dilanjutkan melebihi 14 hari tanpa penilaian semula.

Tidak digalakkan bagi kanak-kanak 12 tahun ke bawah.

### - Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan berhenti mengambil Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet, walaupun anda sudah berasa lebih baik selepas beberapa hari, kecuali dinasihatkan oleh doktor. Jangkitan anda mungkin tidak dapat pulih sepenuhnya jika anda berhenti mengambil ubat anda terlalu awal.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada

# AXCEL CO-AMOXICLAV-625 TABLET

Amoxycillin/Clavulanic Acid (500mg/125mg)

sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

- Mengambil terlalu banyak tablet boleh menyebabkan sakit perut, muntah-muntah dan cirit-birit, ruam, hiperkatif atau mengantuk.

## Semasa menggunakan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Jika anda mengalami cirit-birit yang teruk, beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan melebihi dos ubat pada setiap satu masa pengambilan.
- Jangan berkongsi Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan produk ini berterusan.
- Semasa pengambilan dos tinggi, pengambilan air yang mencukupi dan pembuangan air kencing perlu dikekalkan.
- Hamil dan menyusukan bayi.
- Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet akan memberi kesan kepada anda.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-sesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Cirit-birit
- Pseudomembranous colitis* (radang usus besar)
- Masalah penceraan
- Rasa loya dan muntah-muntah
- Kandidiasis (jangkitan kulat yang boleh memberi kesan kepada kulit, kemaluan, tekak dan mulut).
- Hepatitis (radang hati) dan penyakit kuning kolestatik.
- Urticarial* (gatal-gatal) dan ruam erythematous.
- Erythema multiforme* (hipersensitiviti).
- Sindrom Steven-Johnson (penyakit kulit dan membran mukus yang serius).
- Angioedema* (bengkak pada lapisan kulit).
- Anaphylaxis* (reaksi alahan kulit yang menyebabkan ruam).
- Anaemia (kekurangan sel darah merah dalam darah, menyebabkan pucat dan keletihan).
- Agranulocytosis (kekurangan granulocytes dalam darah, menyebabkan mudah mendapat penyakit).
- Keresahan
- Kebimbangan
- Sawan
- Pening-pening
- Kesukaran untuk tidur
- Hiperaktiviti berbalik.
- Perubahan warna gigi dari permukaan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers -> Reporting).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet

### - Penyimpanan

Jauhkan Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 25°C. Lindungi dari cahaya dan kelembapan.

### - Pelupusan

Jangan guna Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Axcel Co-Amoxiclav-625 Tablet berwarna putih, berbentuk lonjong, mempunyai lapisan film dengan dimensi 9.6mm x 20.2mm.

### - Bahan-bahan kandungan

#### Bahan Aktif:

Amoxycillin, Potassium Clavulanate.

#### Bahan Tidak Aktif:

Povidone K30, Opadry White, Microcrystalline Cellulose, Ethanol, Colloidal Silicon Dioxide, Croscarmellose Sodium, dan Magnesium Stearate.

### - Nombor MAL

MAL10100171AC

## Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

02/12/2015

## Nombor siri

BPFK(R4/1)121115/00417